



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 54**

**16hb Ogos 2001**

**No. 17**

---

---

ENAKMEN-ENAKMEN GALIAN  
MINING ENACTMENTS

**No. 552.**

PEMBATALAN PERLANTIKAN MERINYU KANAN GALIAN  
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 95(i) Enakmen Galian [*N.M.B Bab 147*], Raja dalam mesyuarat mewakili kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, melalui pemberitahuan *Warta Kerajaan Pesekutuan Malaya* Bil. 1514 tahun 1953, maka saya, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, dengan ini membatalkan pelantikan orang yang dinamakan di ruang (1) Jadual sebagai Merinyu Kanan Galian di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan* di ruang (2).

REVOCATION OF APPOINTMENT OF SENIOR INSPECTOR OF MINES  
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

In exercise of the powers conferred by Section 95(i) of the Mining Enactment [*F.M.S Cap 147*], Ruler in Council delegated to the Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, vide Federation of Malaya Government *Gazette* notification No. 1514 of 1953, I, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, has revoked the appointment of the persons named in column (1) of the Schedule to be Inspector of Mines in and for the State of Perak Darul Ridzuan as published in Perak Darul Ridzuan State *Gazette* as stated in column (2).

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Yeong Ken Choong	No. 249 bertarikh 26-1-1995
Encik Shahar Effendi bin Abdullah Azizi	No. 349 bertarikh 5-3-1999

Bertarikh 27 Jun 2001.

[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/951/2/6;

PU.PK. 67/71-40.]

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
Menteri Besar,  
Perak

**No. 553.**

PEMBATALAN PELANTIKAN MERINYU GALIAN  
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 95(i) Enakmen Galian [*N.M.B Bab 147*], Raja dalam mesyuarat mewakili kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, melalui pemberitahuan *Warta Kerajaan Pesekutuan Malaya Bil. 1514* tahun 1953, maka saya, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, dengan ini membatalkan pelantikan orang yang dinamakan di ruang (1) Jadual sebagai Merinyu Galian di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan* di ruang (2).

REVOCATION OF APPOINTMENT OF INSPECTOR OF MINES  
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

In exercise of the powers conferred by Section 95(i) of the Mining Enactment [*F.M.S Cap 147*], Ruler in Council delegated to the Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, vide Federation of Malaya Government *Gazette* notification No. 1514 of 1953, I, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, has revoked the appointment of the persons named in column (1) of the Schedule to be Inspector of Mines in and for the State of Perak Darul Ridzuan as published in Perak Darul Ridzuan State *Gazette* as stated in column (2).

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Hairul bin Mohamed Shaharudin	No. 839 bertarikh 2-9-1999
Encik Azman bin Ab. Majid	Tiada rekod

(1)	(2)
Encik Ahmad Zukni bin Ahmad Khalil	No. 1135 bertarikh 5-11-1998
Encik Kamaruddin bin Abdullah	No. 1010 bertarikh 24-10-1996

Bertarikh 27 Jun 2001.

[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/951/2/6 Jld. 2;

PU.PK. 67/71-40.]

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
Menteri Besar,  
Perak

**No. 554.**

PEMBATALAN PELANTIKAN PEMBANTU GALIAN  
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 95(i) Enakmen Galian [*N.M.B Bab 147*], Raja dalam mesyuarat mewakilkan kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, melalui pemberitahuan *Warta Kerajaan Pesekutuan Malaya Bil. 1514 tahun 1953*, maka saya, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, dengan ini membatalkan pelantikan orang yang dinamakan di ruang (1) Jadual sebagai Pembantu Galian di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan* di ruang (2).

REVOCATION OF APPOINTMENT OF MINES ASSISTANT  
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

In exercise of the powers conferred by Section 95(i) of the Mining Enactment [*F.M.S Cap 147*], Ruler in Council delegated to the Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, vide Federation of Malaya Government *Gazette* notification No. 1514 of 1953, I, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, has revoked the appointment of the persons named in column (1) of the Schedule to be Mines Assistant in and for the State of Perak Darul Ridzuan as published in Perak Darul Ridzuan State *Gazette* as stated in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Mohamed Sam bin Sharip	No. 238 bertarikh 16-3-1979
Encik Che Hussin bin Daud	No. 238 bertarikh 16-3-1979
Encik Josep Rajoo a/l Albert	No. 238 bertarikh 16-3-1979

(1)	(2)
Encik Chen Koon Hee	No. 45 bertarikh 15-1-1981
Encik Baldev Singh a/l Lecheman Singh	No. 45 bertarikh 15-1-1981
Encik Kaldip Singh a/l Hajura Singh	No. 45 bertarikh 15-1-1981
Encik Khazari bin Ahmad	No. 824 bertarikh 15-8-1985
Encik Kuan Kim Guan	No. 6 bertarikh 14-3-1991
Encik Tan Pang Teck	No. 349 bertarikh 30-3-1991
Encik Ahmad Fadzil bin Sulaiman	No. 349 bertarikh 30-3-1991
Encik Abdul Malik bin Samsuddin	No. 161 bertarikh 1-11-1979
Encik Ahmad bin Shah	No. 161 bertarikh 1-11-1979
Encik Ibrahim bin Sidek	No. 161 bertarikh 1-11-1979

Bertarikh 27 Jun 2001.

[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/951/2/6 Jld. 2;  
PU.PK. 67/71-40.]

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
Menteri Besar,  
Perak

**No. 555.**

PEMBATALAN PELANTIKAN PEMBANTU TEKNIK  
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 95(i) Enakmen Galian [*N.M.B Bab 147*], Raja dalam mesyuarat mewakili kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, melalui Pemberitahuan *Warta Kerajaan Pesekutuan Malaya* Bil. 1514 tahun 1953, maka saya, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dengan ini membatalkan pelantikan Encik Samsuddin bin Para sebagai Pembantu Teknik di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Perak Darul Ridzuan*.

REVOCATION OF APPOINTMENT OF TECHNICAL ASSISTANT  
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

In exercise of the powers conferred by Section 95(i) of the Mining Enactment [*F.M.S Cap 147*], Ruler in Council delegated to the Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, vide Federation of Malaya Government *Gazette* notification No. 1514 of 1953, I, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri

Besar Perak Darul Ridzuan, has revoked the appointment of Encik Samsuddin bin Para as Technical Assistant in and for the State of Perak Darul Ridzuan as published in Perak Darul Ridzuan State *Gazette*.

Bertarikh 27 Jun 2001.  
[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/951/2/6 Jld. 2;  
PU.PK. 67/71-40.]

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
Menteri Besar,  
Perak

**No. 556.**

#### AKTA EKSAIS 1976

##### PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PELESENAN

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 31 Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], yang telah diwakilkan oleh Menteri kepada Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan melalui Pemberitahuan Undang-Undang (B) Bil. 353 tahun 1977 [*P.U.(B) 353/77*], saya, Dato' Seri DiRaja Haji Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, melantik orang yang dinamakan dalam Jadual menjadi Ahli-Ahli Lembaga Pelesenan Daerah Kuala Kangsar bagi tempoh 3 tahun mulai dari 1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2003.

#### EXCISE ACT 1976

##### APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE LICENSING BOARD

In exercise of the powers conferred by section 31 of the Excise Act 1976 [*Act 176*], which had been delegated by the Minister to the Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan vide Legal Notification (B) No. 353 of 1977 [*P.U. (B) 353/77*], I, Dato' Seri DiRaja Haji Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, appoint the persons named in the Schedule to be members of the Licensing Board for the District of Kuala Kangsar for a period of 3 years with effect from 1 January 2001 until 31 December 2003.

##### JADUAL/SCHEDULE

Pegawai Daerah Kuala Kangsar	Pengerusi/Chairman
Ketua Penolong Pegawai Daerah Sungai Siput (U)	Naib Pengerusi/ Vice Chairman
Dato' Haji Shafie bin Mat Saman	Ahli/Member
Dato' Ong Loo Choo	Ahli/Member
Encik M. Bhopalan	Ahli/Member
Encik Teh Poh Seng	Ahli/Member

Bertarikh 2 Julai 2001.  
[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/951/10;  
PU.PK. 67/71-40.]

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
Menteri Besar,  
Perak

No. 557.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)

KADAR TAHUNAN MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 127 dan dibaca bersama dengan Seksyen 163 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Pengkalan Hulu dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengenakan bagi tahun 2001 kadar tahunan yang dinyatakan dalam Jadual ke atas semua pegangan, dan bangunan yang baginya Seksyen 163 terpakai, di kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu yang dinyatakan dalam Jadual, berkuat kuasa pada 1 Januari 2001.

JADUAL

Kawasan	Kadar Atas Nilai Tahunan	
	Tanah Kosong	Tanah Bangunan
1. Taman Sri Jaya	—	8.0%
2. Taman Perumahan Awam (Kos Rendah)	—	5.0%
3. Pengkalan Hulu (Tanah Bangunan)	2.0%	8.0%
4. Pengkalan Hulu (Tanah Pertanian)	1.0%	—
5. Klian Intan	1.5%	5.0%
6. Tasek	1.5%	5.0%
7. Harta Khas:		
(i) Stesyen Minyak/Rahman Hydraulic Tin Bhd.	—	9.0%
(ii) Panggung Wayang	—	5.0%

Bertarikh 17 Januari 2001.  
[MDPH. 11/84; PU.PK. 53/83;  
KAD/A 12/1 Jld. 3.]

HAJI MUZAMIN BIN MASTAK  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Pengkalan Hulu

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
(Act 171)

ANNUAL RATES PENKALAN HULU DISTRICT COUNCIL

In exercise of the powers conferred by Section 127 and read together with Section 163 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], Pengkalan Hulu District Council with the approval of the State Authority imposes for the year 2001 the annual rates specified in the Schedule upon all holding, and buildings to which section 163 applies, within the area of the Pengkalan Hulu District Council as specified in the Schedule, with effect from 1 January 2001.

SCHEDULE

Area	Rates Upon The Annual Value	
	Vacant Land	Land and Building
1. Taman Sri Jaya	—	8.0%
2. Taman Perumahan Awam (Low Cost)	—	5.0%

Area	Rates Upon The Annual Value	
	Vacant Land	Land and Building
3. Pengkalan Hulu (Building Land)	2.0%	8.0%
4. Pengkalan Hulu (Agricultural Land)	1.0%	—
5. Klian Intan	1.5%	5.0%
6. Tasek	1.5%	5.0%
7. Special Properties:		
(i) Petrol Station/Rahman Hydraulic Tin Bhd.	—	9.0%
(ii) Theatre	—	5.0%

Dated 17th January 2001.  
[MDPH. 11/84; PU.PK. 53/83;  
KAD/A 12/1 Jld. 3.]

HAJI MUZAMIN BIN MASTAK  
President,  
Pengkalan Hulu District Council

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

**No. 558.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan oleh Sin Ngan Looi bagi pemilik berdaftar bagi hakmilik seperti Jadual di bawah ini kerana hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

JADUAL

Mukim—Tupai. No. Lot—2318. Jenis dan No. Hakmilik—State Lease 1165.  
Luas—04.07 pol. Tuan punya berdaftar—Sin Ngan Looi.

Bertarikh 9 Julai 2001.  
[PTG.PK. 3/11-353 (A).]

HJ. MOHD. ADNAN B. HJ PUTEH  
Pendaftar Hakmilik,  
Negeri Perak

**No. 559.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

“Suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang”.

## JADUAL

Mukim	No. Geran EMR	No. Lot	Luas E. R. P.	Nama-nama tuan tanah	No. Fail PTLM.
Simpang	1048	545	7 0 10	Mohd Zamri bin Mohd Noordin 160/1130 bhg., Saidin bin Mohd Nor 405/1130 bhg., Abdullah b. Mat Nor 1/4 bhg. dan Rasnah bt. Mat Nor 1/4 bhg.	260/27/2001/07
	QT(M)		ac.		
Asam Kumbang	40/71	4346	0.116	Abdul Wahab bin Saat—semua bhg.	260/28/2001/01
	GM				
Batu Kurau	2403	8538	13.05945	Hassan bin Ali 5/40 bhg., Mat Sareh bin Haji Jamaludin as representative 7/40 bhg., Bahari bin Ali Musa 7/120 bhg., Ramlah binti Ali Musa 7/120 bhg., Norzeri bin Ali Musa 7/120 bhg., Che Nin bte Mat Ali 7/200 bhg., Roimirus bte Bahari 7/120 bhg., Yuzeri bin Ali Musa 7/120 bhg., Jan bin Nawi 7/80 bhg., Bedayah binti Nawi 7/80 bhg., Yuzeri bin Ali Musa 7/120 bhg., Juariah bte Mat Kernai 7/200 bhg., Sepiah bte Kernai 7/200 bhg., Ibrahim bin Kernai 7/200 bhg. dan Mohd Yusof b. Md. Kernai 7/200 bhg.	260/29/2001/02
	EMR		E. R. P.		
Batu Kurau	5540	3179	3 0 17	Sidek bin Ngah Mat Amin as trustee—semua bhg.	260/30/2001/02

Bertarikh 12 Julai 2001.  
[PTLM. 260/27/2001/07.]

MOHD JAMIL B. HJ. MOHD NOOR  
b.p. Pentadbir Tanah Daerah,  
Larut, Matang dan Selama



**No. 560.**

(Seksyen 187B)

## PEMBATALAN

Berhubung dengan pemberitahuan Warta No. 134 yang disiarkan pada 15-3-2001 dalam Warta Kerajaan Negeri Perak adalah dengan ini dibatalkan.

Bertarikh 13 Julai 2001.  
[PTG.PK. 3/4-226 (A).]

HJ. MOHD. ADNAN BIN HJ PUTEH  
Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Bahagian Hakmilik,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Perak

**No. 561.**

(Seksyen 261 (1) (c))

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ali bin Nayan (K.P: 241208-08-5275 (2065521) yang beralamat di No. 157, Kampong Tok Ngah, 34350 Kuala Kurau, Perak Darul Ridzuan dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu Siasatan berkenaan dengan permohonan yang tersebut di Pejabat Tanah Kerian, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan pada hari Selasa, 11 September, 2001 pukul 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut Seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Kurau. No. Lot/Petak/P.T.—872. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 610. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No.: 868/96 Jilid: 23 Folio: 19.

Bertarikh 30 Julai 2001.  
[PTK(PEM) 369/01/14.]

SAAD BIN NAZIR  
Penolong Pegawai Daerah (Tanah),  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Kerian

**No. 562.**

(Seksyen 263)

## PERINTAH-PERINTAH JUAL ATAS PERMINTAAN GADAIAN

Saya, Abdul Manap bin Ismail, Penolong Pentadbir Tanah Hilir Perak, atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah berpuas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada hari Rabu bersamaan 26hb September, 2001 jam 10.00 pagi di Tingkat Bawah Pejabat Tanah Hilir Perak, Teluk Intan;
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM25,000.00;
- (c) tawaran ini terbuka kepada orang-orang awam sahaja;
- (d) luas tanah: 1,271 hektar;
- (e) syarat nyata: Tanaman Getah; dan
- (f) tempat: Rancangan Berkelompok Alor Bakong.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada 2-12-97 ialah RM10,667.10 serta lain-lain bayaran yang perlu dikutip.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Changkat Jong. No. Lot—8049. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 116A. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian—Pers: 225/90 Jilid: 45 Folio: 29.

Bertarikh 4 Julai 2001.  
[PTHP. 9/847.]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL  
Penolong Pentadbir Tanah,  
Hilir Perak

Notis gantian dikeluarkan mengikut Sek. 432 (1)(a) atas arahan Pentadbir Tanah Hilir Perak.

**No. 563.**

Saya, Saad bin Nazir, Pentadbir Tanah Kerian, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 16 Oktober, 2001 pada jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan;

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM45,000.00 (RM: Empat Puluh Lima Ribu Sahaja); dan

(c) dalam Simpanan Melayu

2. Bahawa saya dapati jumlah yang perlu dijelaskan kepada pemegang gadai pada tarikh 2-2-2001 ialah RM47,001.30 sahaja.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Gunung Semanggol. No. Lot/Petak/P.T—2782. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1683. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No. 1574/96 Jilid: 23 Folio: 112.

Bertarikh 19 Julai 2001.

[PTK(PEM) 369/00/20.]

Lelongan 2.

SAAD BIN NAZIR

Penolong Pegawai Daerah (Tanah),

b.p. Pentadbir Tanah,

Kerian

**No. 564.**

Saya, Saad bin Nazir, Pentadbir Tanah Kerian, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintahkan—

(a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 20 November, 2001 pada jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan;

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM35,000.00 (RM: Tiga Puluh Lima Ribu Sahaja); dan

(c) Luar Simpanan Melayu.

2. Bahawa saya dapati jumlah yang perlu dijelaskan kepada pemegang gadai pada tarikh 22-7-2001 ialah RM9,874.66 sahaja.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Kurau. No. P.T—146. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 48. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No. 996/90 Jilid: 16 Folio: 145.

Bertarikh 24 Julai 2001.

[PTK(PEM) 369/01/02.]

Lelongan 1.

SAAD BIN NAZIR

Penolong Pegawai Daerah (Tanah),

b.p. Pentadbir Tanah,

Kerian

## PERATURAN-PERATURAN TANAH PERAK 1966

## No. 565.

## JADUAL TANAMAN PADI (TALIAIR TERUS) MUSIM 2/2001

Bahawasanya mengikut Fasal 35 Peraturan Tanah Perak 1966 inilah diberitahu tuan-tuan atau orang-orang yang memakai bendang dalam kawasan Bendang Senin (Pam Senin), Teluk Bakong (Pam Teluk Bakong), Lambor Kiri (Pam Lambor Kiri), Taliair 1 hingga Taliair 10A (Pam Kubang Haji) dan Parit (Pam Parit) dalam Daerah Perak Tengah, tarikh-tarikh bagi memulakan kerja-kerja yang dinyatakan di bawah ini bagi menanam musim 2/2001.

## JADUAL TANAMAN PADI MUSIM 2/2001

Bil	Kerja-kerja yang dijalankan	Jadual 1	Jadual 2	Jadual 3	Jadual 4	Jadual 5
		1. Senin (Pam Senin)	1. Tlk. Bakong (Pam. Tk. Bakong)	1. Lambor Kiri (Pam Lambor Kiri)	1. Taliair1 hingga Taliair 10A (Pam K. Haji)	1. Jln. Raya hingga Parit 16 (Pam Bota Kiri)
					2. Parit (Pam Parit)	
					3. Pendiati (Pam Pendiati)	
1.	Menabur	15-07-01	10-06-01	01-08-01	15-08-01	15-09-01
2.	Masuk Air ke Dalam Taliair	01-08-01	01-06-01	01-08-01	01-09-01	15-09-01
3.	Masuk Air ke Dalam Bendang.	07-08-01	01-06-01	01-08-01	06-09-01	20-09-01
4.	Mengeringkan Air	15-11-01	18-09-01	15-11-01	14-12-01	28-12-01
5.	Menuai	30-11-01	05-10-01	30-11-01	28-12-01	14-01-02
	Jumlah hari	105 hari	110 hari	105 hari	105 hari	105 hari

## ARAHAN KEPADA PENANAM PADI

1. Tarikh-tarikh di atas hendaklah diikuti oleh tiap-tiap penanam padi bagi menjauhkan serangan-serangan dan musuh tanaman.
2. Tiap-tiap penanam padi hendaklah membina, membaiki dan membuat batas-batas dengan tanah yang boleh menakung air dengan secukupnya di dalam bendang.
3. Tiap-tiap bendang atau penanam padi hendaklah membersihkan saluran-saluran air setiap masa hingga masa mengetam sebagaimana diarahkan.

4. Tiap-tiap penanam padi hendaklah sepanjang masa membunuh tikus-tikus dan lain-lain musuh tanaman serta membersihkan segala semak-semak yang berdekatan dengan ladang.
5. Tiap-tiap penanam padi hendaklah menggunakan baja yang diakui oleh Jabatan Pertanian dengan cara menggunakannya seperti yang dinasihatkan oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian.
6. Tiap-tiap penanam padi hendaklah mematuhi arahan-arahan di atas dan jika didapati penanam-penanam padi tiada menjalankan kerja-kerja yang dijadualkan di atas dengan memuaskan hati dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh yang tersebut, maka penanam padi itu boleh didakwa dalam Mahkamah mengikut Seksyen 37 Peraturan Tanah Negeri Perak 1966, mereka boleh dikenakan denda tidak lebih dari RM100.00. Jika dapat dibuktikan bahawa kecuaiannya ini menyebabkan kerosakan kepada tuan-tuan tanah yang berhampiran dengan ini boleh dinaikkan sehingga RM200.00.

Bertarikh pada 14 Julai 2001.

[PTP. 10/03-00-23/90 Jld. III (Bil. .)]

MANSOR BIN YAHYA,  
Penolong Pegawai Daerah (Tanah),  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Perak Tengah,  
Seri Iskandar

#### **No. 566.**

Bahawasanya mengikut Fasal 35 Peraturan Tanah Perak 1966 inilah diberitahu tuan-tuan atau orang-orang yang memakai bendang dalam kawasan Blok A, Blok B, Blok C dan Blok D Seberang Perak dalam Daerah Perak Tengah, tarikh-tarikh bagi memulakan kerja-kerja yang dinyatakan di bawah ini bagi menanam musim 2/2001.

#### JADUAL TANAMAN PADI MUSIM 2/2001 FELCRA SEBERANG PERAK

Bil	Aktiviti	Blok A	Blok B	Blok C	Blok D
1.	Masuk Air ke Taliair Utama	01-08-01	01-08-01	01-08-01	01-08-01
2.	Masuk Air ke Sawah	07-08-01	07-08-01	07-08-01	07-08-01
3.	Menabur Benih	10-08-01	10-08-01	10-08-01	10-08-01
4.	Membuang Air	18-11-01	18-11-01	18-11-01	18-11-01
5.	Menuai	08-12-01	08-12-01	08-12-01	08-12-01

#### ARAHAN KEPADA PENANAM PADI

1. Tarikh-tarikh di atas hendaklah diikuti oleh tiap-tiap penanam padi bagi menjauhkan serangan-serangan dan musuh tanaman.

2. Tiap-tiap penanam padi hendaklah membina, membaiki dan membuat batas-batas dengan tanah yang boleh menakung air dengan secukupnya di dalam bendang.
3. Tiap-tiap bendang atau penanam padi hendaklah membersihkan saluran-saluran air setiap masa hingga masa mengetam sebagaimana diarahkan.
4. Tiap-tiap penanam padi hendaklah sepanjang masa membunuh tikus-tikus dan lain-lain musuh tanaman serta membersihkan segala semak-semak yang berdekatan dengan ladang.
5. Tiap-tiap penanam padi hendaklah menggunakan baja yang diakui oleh Jabatan Pertanian dengan cara menggunakannya seperti yang dinasihatkan oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian.
6. Tiap-tiap penanam padi hendaklah mematuhi arahan-arahan di atas dan jika didapati penanam-penanam padi tiada menjalankan kerja-kerja yang dijadualkan di atas dengan memuaskan hati dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh yang tersebut, maka penanam padi itu boleh didakwa dalam Mahkamah mengikut Seksyen 37 Peraturan Tanah Negeri Perak 1966, mereka boleh dikenakan denda tidak lebih dari RM100.00. Jika dapat dibuktikan bahawa kecuaiannya ini menyebabkan kerosakan kepada tuan-tuan tanah yang berhampiran dengan ini boleh dinaikkan sehingga RM200.00.

Bertarikh pada 14 Julai 2001.  
[PTP. 10/03-00-23/90 Jld. III (Bil. ).]

MANSOR BIN YAHYA,  
Penolong Pegawai Daerah (Tanah),  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Perak Tengah,  
Seri Iskandar

**No. 567.**

Bahawasanya mengikut Fasal 35 Peraturan Tanah Perak 1966 inilah diberitahu tuan-tuan atau orang-orang yang memakai bendang dalam kawasan Blok E, Blok F, Blok G dan Pusat Benih Seberang Perak dalam Daerah Perak Tengah, tarikh-tarikh bagi memulakan kerja-kerja yang dinyatakan di bawah ini bagi menanam musim 2/2001.

JADUAL TANAMAN PADI MUSIM 2/2001  
FELCRA SEBERANG PERAK

Bil	Aktiviti	Blok E	Blok F	Blok G	Pusat Benih
1.	Masuk Air ke Taliair Utama	20-07-01	20-07-01	20-07-01	20-07-01
2.	Masuk Air ke Sawah	25-07-01	25-07-01	25-07-01	20-07-01
3.	Menabur Benih	01-08-01	05-08-01	05-08-01	25-07-01
4.	Membuang Air	14-11-01	20-11-01	20-11-01	11-11-01
5.	Menuai	20-11-01	25-11-01	25-11-01	19-11-01

## ARAHAN KEPADA PENANAM PADI

1. Tarikh-tarikh di atas hendaklah diikuti oleh tiap-tiap penanam padi bagi menjauhkan serangan-serangan dan musuh tanaman.
2. Tiap-tiap penanam padi hendaklah membina, membaiki dan membuat batas-batas dengan tanah yang boleh menakung air dengan secukupnya di dalam bendang.
3. Tiap-tiap bendang atau penanam padi hendaklah membersihkan saluran-saluran air setiap masa hingga masa mengetam sebagaimana diarahkan.
4. Tiap-tiap penanam padi hendaklah sepanjang masa membunuh tikus-tikus dan lain-lain musuh tanaman serta membersihkan segala semak-semak yang berdekatan dengan ladang.
5. Tiap-tiap penanam padi hendaklah menggunakan baja yang diakui oleh Jabatan Pertanian dengan cara menggunakannya seperti yang dinasihatkan oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian.
6. Tiap-tiap penanam padi hendaklah mematuhi arahan-arahan di atas dan jika didapati penanam-penanam padi tiada menjalankan kerja-kerja yang dijadualkan di atas dengan memuaskan hati dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh yang tersebut, maka penanam padi itu boleh didakwa dalam Mahkamah mengikut Seksyen 37 Peraturan Tanah Negeri Perak 1966, mereka boleh dikenakan denda tidak lebih dari RM100.00. Jika dapat dibuktikan bahawa kecuaiannya ini menyebabkan kerosakan kepada tuan-tuan tanah yang berhampiran dengan ini boleh dinaikkan sehingga RM200.00.

Bertarikh pada 14 Julai 2001.

[PTP. 10/03-00-23/90 Jld. III (Bil. 1).]

MANSOR BIN YAHYA,  
Penolong Pegawai Daerah (Tanah),  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Perak Tengah,  
Seri Iskandar

Hakeipta Pencetak<sup>(H)</sup>

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA